

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
DEWAN BANKUASI BANGUNAN PARLIMEN, KUALA LUMPUR
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH WALKATHON BAKTI 1990
09 SEPTEMBER 1990

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Hari ini merupakan Hari Keluarga BAKTI, hari untuk ahli-ahli BAKTI dan keluarga mereka berkumpul dan bergembira. Oleh itu izinkanlah saya untuk memulakan ucapan saya yang agak berlainan sedikit.

Yang Amat Dikasihi Suami-Suami; Abang-Abang dan Kakak-Kakak; Adik-Adik, Anak-Anak dan Cucu-Cucu; Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Sarji, Ketua Setiausaha Negara dan Puan Sri Sagiyah; Yang Berusaha Pegawai-pegawai Kerajaan dan pihak swasta; Yang Diingati para penderma, penaja dan rakan-rakan BAKTI; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

2. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi atas limpah kurniaNya mengizinkan kita semua berkumpul di Dataran Parlimen pada pagi ini untuk mengambil bahagian dalam acara walkathon bersama-sama kaum keluarga masing-masing. Syukur alhamdulillah dapat kita berkumpul semula di dalam Dewan yang permai ini bersama-sama para tetamu jemputan kita.

3. Saya bagi pihak BAKTI mengalu-alukan tetamu-tetamu kehormat dan para hadirin yang menyambut baik jemputan BAKTI untuk bersama-sama menjayakan Walkathon BAKTI 1990 ini.

4. Dalam tempoh enam bulan yang lalu, BAKTI amat risau kerana tidak berasa yakin bahawa BAKTI akan dapat mengadakan walkathon ini ataupun menerima sambutan daripada para penderma dan para penaja. Masalah utama yang kami hadapi ialah untuk menetapkan tarikh walkathon supaya tidak bertembung dengan pilihanraya umum. Si suami membisu seribu bahasa, si isteri membisu sejuta bahasa dan jawatankuasa walkathon BAKTI semakin menjadi resah. Bagaikan belangkas, si isteri mengikuti si suami ke merata cerok di Semenanjung tiga kali pusingan agar dapat sedikit clue bila masa akan diadakan pilihanraya. Malangnya, apa yang terjadi semakin memeningkan kepala, ditambah dengan hujah-hujah politik dan semangat dacing sehingga dalam mimpipun kadangkala terdengar ucapan-ucapan daripada Presiden UMNO, MCA, MIC dan Gerakan. Namun tarikh pilihanraya tidak juga diketahui sehingga hari ini.

5. Lantaran itu, BAKTI terus memilih tarikh 9hb. September, 1990 sebagai Hari Walkathon, untuk membolehkan jawatankuasa induk dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil mula bergerak, dengan ingatan bahawa walkathon akan dibatalkan sekiranya pilihanraya umum jatuh pada tarikh yang sama.

6. Perasaan tidak menentu ini meresap juga kepada para penderma dan para penaja. Ramai yang berkata bahawa mereka tidak dapat menderma banyak kali ini kerana mereka ingin reservekan sedikit untuk pilihanraya umum. Tetapi syukur alhamdulillah, sumbangan derma mencurah-curah datang daripada para penaja dan penderma dan sehingga 8hb.Septem berjumlah kutipan derma yang diterima ialah hampir \$900,000/-. Ladies and Gentlemen,

7. BAKTI organises its fund-raising projects every two years to fill its Tabung Kebajikan dan Tabung Dermasiswa. The last fund-raising project in 1988 brought in \$960,476/- and with other appeals throughout 1989 enabled BAKTI to donate to individuals, charitable organisations, hospitals, schools, returns of victims disasters and financial aid to students to a total sum of about \$1.389 million during the period of 18 months.

8. Education is a priority in BAKTI's project since 1985, BAKTI has been giving financial aid to ten students per state of between \$200/- to \$400/ per year for two years depending upon whether they come from the primary, secondary or Form 6 Classes. We have now extended ten more of such financial aids to Orang Asli children and a \$1000/- donation to two undergraduates per University in Malaysia, who are in need of assistance. A \$10,000/- grant is offered to one post-graduate student from a Malaysian University to do research in topics related to women and children.

9. Apart from education, BAKTI assists the handicapped, the sick and the unfortunate and we hope to do more with the generous contribution that we have received.

10. I would like to personally express on behalf of BAKTI, our deep appreciation and gratitude to all our kind donors who are too numerous to be named individually. They responded spontaneously even without appealing and we are indeed grateful. Many of them will present their cheque of \$10,000/- and above to the Patron of BAKTI i.e. Y.A.B. The Prime Minister, in a moment.

11. I would also like to thank again the various sponsors who have kindly contributed to the success of this walkhathon by donating souvenirs for each participant -- young and old -- and the prizes of such valuable items. Not forgetting the many sponsors for the food and drinks which we had at Dataran Parlimen this morning. To all of them, BAKTI says thank you very much.

12. For the fourth time, BAKTI has been kindly granted permission the use of Dataran Parlimen for our walkhathon and this time, the presentation is held inside the Dewan Bankuasi itself. We are very grateful for this special priviledge as it gives our young families the chance to enter this prestigious building and to see the decorations so beautifully arranged by Dewan Bandaraya and Jabatan Kerja Raya.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

13. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Mohd. Zahir Ismail, Speaker Dewan Rakyat kerana membenarkan penggunaan Dataran Parlimen dan Dewan Bankuasi ini. Juga kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Kerja Raya yang menghiaskannya untuk Majlis ini.

14. Tidak lupa juga semua jabatan-batan Kerajaan dan badan-badan sukan yang memastikan para peserta berjalan dengan baik dan selamat sepanjang 4.2 km perjalanan.

15. Setinggi-tinggi penghargaan kepada para peserta walkathon sendiri yang meluangkan masa membawa keluarga dan suami berjalan. Kerajaan telahpun mengisytiharkan Hari Keluarga Kebangsaan (FamilyDay) pada 11hb. November. BAKTI menyokong penuh pengisytiharan itu dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan. Pada Hari Walkathon BAKTI dan Hari Keluarga Kebangsaan, semua orang perlulah melupakan hal politik dan pentadbiran dan fokuskan perhatian kepada isteri dan keluarga dan telatah mereka yang pastinya amat menarik. Adalah diharapkan hari dan masa yang singkat bersama dengan keluarga ini digunakan dengan sepenuhnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Setelah acara rasmi selesai acara persembahan terbuka akan diteruskan untuk memberi peluang kepada para peserta, kaum keluarga, para dermawan dan penaja dan tetamu menyumbangkan apa sahaja persembahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kombo Polis yang sentiasa bersedia mengiringi tuan-tuan dan puan-puan. Syabas kepada mereka.

17. Sebelum mengakhiri ucapan ini saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua para hadirin yang menyambut baik jemputan dan rayuan BAKTI dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, dengan derma-derma, tajaan-tajaan, kerjasama dan penat-lelah semua secara individu ataupun berkumpulan membantu mengada dan menjayakan majlis ini. Saya memohon maaf sekiranya ada kekurangan dan kesilapan ataupun ketinggalan nama yang dibuat secara tidak sengaja.

18. Kepada jawatankuasa projek walkathon dan jawatankuasa-jawatankuasa kecilnya, saya mengucapkan syabas kepada Datin Naemah, Datin Faridah, Datin Faizah, Datin Noorhayati dan Datin Mei Ling yang tidak berhenti-henti menentukan semua peraturan berjalan dengan licin. Mereka dibantu oleh rakan-rakan mereka berusaha begitu gigih sehinggalah kemuncak Walkathon BAKTI 1990 selesai pada hari ini. Tahniah dan terima kasih.

19. So, we can relax and enjoy ourselves with some enter-tainment in a few moments.

Terima kasih.